

Tahun 6 Peratus 2.

1. Rahman melaburkan RM8 000 untuk pendidikan anaknya. Faedah yang diterimanya setiap tahun ialah 3.2%. Dia tidak mengeluarkan wangnya selama setahun. Berapakah jumlah wangnya selepas setahun?

RM _____

2. Kamal menerima wang saku RM4 setiap hari. Dia menyimpan RM1 setiap hari. Berapa harikah Kamal perlu menyimpan untuk mendapat 200% daripada jumlah wang sakunya selama seminggu?

_____ hari

3. Pelaburan saham pendidikan untuk Ali dibuat oleh ibunya meningkat sebanyak 14% dan bernilai RM15 200. Jika dia inginkan nilai pelaburannya $1\frac{1}{2}$ kali daripada itu, berapakah wang yang perlu dia laburkannya?

RM _____

4. Jadual menunjukkan pelaburan Ali dan Salman.

Nama	Simpanan	Dividen Tahunan
Ali	RM4 800	5%
Salman	RM5 000	3.5%

Simpanan siapakah yang lebih banyak selepas 2 tahun?

5. Kamal menerima gaji sebanyak RM3 625 sebulan. 20% daripada gajinya itu digunakan untuk membeli barangan dapur. Berapakah perbelanjaan Kamal untuk membeli barang keperluan dapur?

RM _____

6. Ramli menjual 20% daripada 250 biji durian yang telah dipungut di dusunnya. 60% daripada baki durian itu akan dihantar ke kedai Pak Abu. Berapakah bilangan durian yang tinggal?

_____ biji

7. Salman menyimpan RM2 100 ke dalam bank. Dia mengekalkan simpanannya selama 2 tahun. Pada tahun pertama, dia menerima faedah 3%. Pada tahun kedua, dia menerima faedah 1.25%. Hitung jumlah simpanannya selepas 2 tahun.

RM _____